A

MUSTAKIN HANAFI

lwn.

PP

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HELILIAH MOHD YUSOF HMR
KN SEGARA HMR
RAMLY ALI HMR
[MAHKAMAH RAYUAN JENAYAH NO: B-05-55-2006]

C

3 OGOS 2009

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) & (2) - Elemen milikan - Pengetahuan, bagaimana dibuktikan - Anggapan mengedar terpakai atas dapatan positif milikan*

D

PROSEDUR JENAYAH: *Pembelaan - 'Innocent carrier' - Sama ada dibuktikan berdasarkan fakta-fakta*

KETERANGAN: *Barang kes - Rantaian keterangan tidak terputus - Ujian untuk memastikan sama ada rantaian keterangan terputus - Sama*

E

ada keraguan tentang identiti barang kes

KETERANGAN: *Kerelevanan - Kelakuan - Keterangan kelakuan tertuduh bila dihampiri oleh polis - Sama ada relevan dan boleh diterima*

F

Perayu telah dituduh di Mahkamah Tinggi di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta'). Perayu telah disabitkan dengan pertuduhan tersebut dan dijatuhkan hukuman mati di bawah s. 39B(2) Akta. Beliau seterusnya merayu ke Mahkamah Rayuan dengan, antara lain, alasan-alasan berikut: (i) Hakim telah terkhilaf

G

bila memutuskan bahawa pendakwaan berjaya membuktikan elemen 'pemilikan (possession)' terhadap perayu di peringkat akhir kes pendakwaan dan seterusnya membangkitkan anggapan di bawah s. 37(da) Akta sedangkan keterangan yang dikemukakan menunjukkan sebaliknya; (ii) Hakim telah khilaf kerana tidak

H

mengambilkira terdapatnya kelompongan di dalam kes pendakwaan mengenai pengendalian barang kes yang mengakibatkan rantaian keterangan terputus; (iii) Hakim telah gagal mengambilkira percakapan beramaran yang dibuat oleh perayu; dan (iv) Hakim telah menolak bulat-bulat pembelaan perayu tanpa mengikut lunas-

I

lunas perundangan.

Diputuskan (menolak rayuan)
Oleh Ramly Ali HMR:

(1) Untuk membuktikan perayu mempunyai 'milikan sebenar (actual possession)' dadah berbahaya berkenaan, pihak pendakwa perlu membuktikan perayu mempunyai 'kawalan (control) atau jagaan (custody)' ke atas dadah berkenaan dan perayu mempunyai 'pengetahuan (knowledge)' tentang dadah tersebut. Di dalam kes ini, Mahkamah Rayuan berpuashati bahawa pendakwaan berjaya membuktikan elemen 'milikan' oleh perayu di peringkat akhir kes pendakwaan berdasarkan keterangan jelas. *Neo Koon Cheo v. Regina* (diikuti). (perenggan 9, 10 & 11)

(2) Pembuktian elemen 'pengetahuan (knowledge)' boleh dibuat secara inferens berdasarkan fakta dan keadaan sesuatu kes yang boleh berubah dari suatu kes ke suatu kes yang lain. Dalam keadaan sedemikian, adalah memadai untuk pihak pendakwaan mengemuka dan membuktikan fakta dan keterangan dari mana inferens dapat dibuat bahawa tertuduh (perayu) mempunyai pengetahuan yang perlu. Di dalam kes ini, Pendakwaan telah berjaya mengemuka dan membuktikan fakta-fakta di mana Mahkamah boleh membuat inferens bahawa Perayu mempunyai pengetahuan yang perlu untuk menunjukkan milikan ke atas dadah berkenaan. *Parlan Dadeh v. PP* (diikuti); *Emmanuel Yaw Teiku v. PP* (dirujuk); *PP v. Abdul Rahman Akif* (dirujuk). (perenggan 12, 13, 14, 15 & 16)

(3) Keterangan kelakuan (conduct) perayu di dalam kes ini, iaitu kelihatannya yang pucat, curiga dan takut semasa dihampiri pasukan polis berserta cubaannya untuk melarikan diri, adalah relevan dan boleh diterima oleh mahkamah untuk membuat inferens seperti yang telah dilakukan oleh hakim. *Parlan Dadeh v. PP* (diikuti). (perenggan 17)

(4) Di dalam kes ini perayu telah didapati mempunyai milikan sebenar ke atas bungkusan barang kes berkenaan. Dalam keadaan fakta kes ini, perayu juga didapati mengetahui isi kandungan (dadah berkenaan) di dalam bungkusan tersebut. Hakim adalah betul apabila beliau mendapati tiada keraguan tentang perkara itu (milikan) di akhir kes pendakwaan. Dengan terbuktinya kes *prima facie* terhadap perayu di akhir kes pendakwaan, hakim adalah betul apabila memutuskan anggapan di bawah s. 37(da) Akta terpakai. *Tan Ah Tee & Anor v. PP*

A (diikuti); *PP v. Abdul Rahman Akif* (dirujuk); *Warner v. Metropolitan Police Commissioner* (diikuti). (perenggan 18, 19 & 20)

(5) Fakta dan keterangan dalam kes ini memenuhi ujian berkenaan
B rantaian keterangan barang kes seperti yang dinyatakan dalam kes *Gunalan Ramachandran & Ors lwn. PP*. Hakim telah dengan betul menilai dan menerima keterangan, baik dari segi fakta mahu pun undang-undang di dalam menentukan identiti dan berat dadah yang berkenaan. Tidak ada sebarang keterangan
C atau apa-apa inferens yang boleh mencurigakan penentuan tersebut. *Su Ah Ping v. PP* (diikuti); *Gunalan Ramachandran & Ors lwn. PP* (diikuti). (perenggan 21, 22, 23, 24 & 25)

(6) Dakwaan perayu bahawa hakim gagal mengambilkira percakapan
D beramarannya tidak berasas. Jelas sekali hakim berkenaan telah mengambilkira dan turut menimbangkan isi kandungan percakapan beramaran perayu. (perenggan 26 & 27)

(7) Pembelaan perayu bahawa beliau seorang 'innocent carrier' tidak ditolak oleh hakim. Perkara tersebut telahpun diambilkira dan
E dipertimbangkan oleh hakim yang mendapati bahawa perayu bukan merupakan seorang 'innocent carrier'. Dapatan ini merupakan satu inferens yang betul berdasarkan fakta keterangan di dalam kes ini. *Warner v. Metropolitan Police Commissioner* (dirujuk). (perenggan 28, 29 & 30)

F

***English** Translation Of Headnotes*

The appellant was charged in the High Court under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('Act'). The appellant was
G convicted of the said charge and sentenced to death under s. 39B(2) of the Act. He subsequently appealed to the Court of Appeal on, *inter alia*, the following grounds: (i) The judge had erred when deciding that the prosecution had succeeded in proving the element of possession against the appellant at the close of the prosecution's
H case and subsequently raising the presumption under s. 37(da) of the Act when the evidence adduced showed otherwise; (ii) the judge had erred in failing to consider that there was a vacuum in the prosecution's case about the handling of the exhibits that occasioned a break in the chain of evidence; (iii) the judge had
I failed to take into consideration the spoken warning made by the appellant; and (iv) the judge had dismissed outright the appellant's defence without following the main points of law.

Held (dismissing the appeal)
Per Ramly Ali JCA:

(1) To prove that the appellant had actual possession of the dangerous drug in question, the prosecutor had to prove that the appellant had control or custody of the said drug and that the appellant had knowledge of the said drug. In the present case, the Court of Appeal was satisfied that the prosecution had succeeded in proving the element of possession by the appellant at the close of the prosecution's case based on the clear evidence. *Neo Koon Cheo v. Regina* (foll).

(2) Proving the element of knowledge can be done by inference based on the facts and circumstances of a case which changes on a case to case basis. In such circumstances, it is sufficient for the prosecution to adduce and prove the facts and evidence from which it is inferred that the accused (appellant) had the necessary knowledge. In the present case, the prosecution had succeeded in adducing and proving the facts from which the court made the inference that the appellant had the requisite knowledge to show possession of the dangerous drug. *Parlan Dadeh v. PP* (foll); *Emmanuel Yaw Teiku v. PP* (refd); *PP v. Abdul Rahman Akif* (refd).

(3) The evidence of the appellant's conduct in this case, *ie*, his pale, suspicious and frightened appearance when he was approached by the police force together with his attempt to escape, was relevant and admissible by the court to make an inference as done by the judge. *Parlan Dadeh v. PP* (foll).

(4) In the instant case, the appellant was found to have actual possession of the exhibits (packages) in question. On the facts of the case, the appellant was also found to have knowledge of the contents (said drugs) in the said packages. The judge was right when he found that there was no doubt of that matter (possession) at the close of the prosecution's case. With a *prima facie* case against the accused proved at the close of the prosecution's case, the judge was right in deciding that the presumption under s. 37(da) was applicable. *Tan Ah Tee & Anor v. PP* (foll); *PP v. Abdul Rahman Akif* (refd); *Warner v. Metropolitan Police Commissioner* (foll).

(5) The facts and evidence in this case fulfill the test regarding the chain of evidence of exhibits as stated in the case *Gunalan Ramachandran & Ors v. PP*. The judge had correctly evaluated and accepted the evidence, from both the facts and the law, in deciding the identity and weight of the said drug. There was no evidence or inference that could render the finding suspicious. *Su Ah Ping v. PP* (foll); *Gunalan Ramachandran & Ors v. PP* (foll).

(6) The appellant's claim that the judge had failed to consider his spoken warning was unfounded. It was clear that the judge had considered and evaluated the contents of the appellant's spoken warning.

(7) The appellant's defence that he was an innocent carrier was rejected by the judge. That matter was considered and evaluated by the judge who found that the appellant was not an innocent carrier. That finding was a correct inference based on the factual evidence in this case. *Warner v. Metropolitan Police Commissioner* (refd).

Kes-kes yang dirujuk:
Emmanuel Yaw Teiku v. PP [2006] 3 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***
Gunalan Ramachandran & Ors lwn. PP [2006] 1 CLJ 857 FC ***(diikuti)***
Neo Koon Cheo v. Regina [1959] 1 LNS 64 ***(diikuti)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(diikuti)***
PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC ***(dirujuk)***
Su Ah Ping v. PP [1979] 1 LNS 100 ***(dirujuk)***
Tan Ah Tee & Anor v. PP [1978] 1 LNS 193 HC ***(diikuti)***
Warner v. Metropolitan Police Commissioner [1968] 2 All ER 356 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(da), 39B(1)(a), (2)

Bagi pihak perayu - Rusli Zain; T/n Rusli Zain & Assoc
Bagi pihak responden - Saiful Edris Zainuddin TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah Bil: 45-59-2004]

Dilaporkan oleh Andrew Christopher Simon

PENGHAKIMAN

Ramly Ali HMR:

[1] Perayu telah dituduh di Mahkamah Tinggi Shah Alam di bawah s. 39B(1)(a), Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama, seperti pertuduhan berikut:

Bahawa kamu pada 5 Jun 2003 jam lebih kurang 2.30 petang, di Jalan Batu 7 1/2 Taman Sungai Kapar Indah, Jalan Klang Kapar, di dalam Daerah Klang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah didapati memperedarkan dadah berbahaya iaitu 410 gram cannabis dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Pada 20 Februari 2006, Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam telah mensabitkan perayu dengan pertuduhan tersebut dan seterusnya telah menjatuhkan hukuman mati ke atas perayu.

[3] Perayu tidak berpuashati dengan keputusan tersebut dan telah merayu ke mahkamah ini.

Fakta Ringkas Kes Pendakwaan

[4] Pendakwaan telah memanggil enam orang saksi sepanjang perbicaraan kes ini. Daripada keterangan yang dikemukakan, yang diterima oleh hakim yang membicarakan fakta ringkas kes pendakwaan adalah seperti berikut:

(a) Pada 5 Jun 2003 jam lebih kurang 2.30 petang, sepasukan anggota polis, (SP3 bersama dengan SP4 juga dengan empat anggota polis lain) sedang membuat rondaan di kawasan Kapar dan Klang dengan menaiki dua buah kereta. Setibanya di Batu 7 1/2 Jalan Sungai Kapar Indah, SP3, SP4 dan Konstabel Azrol telah melihat seorang lelaki (perayu) yang mencurigakan sedang berdiri di tepi jalan sambil memegang satu barang (bungkusan) di tangan kanannya.

(b) SP3 dan anggotanya telah keluar dari kereta dan menghampiri perayu. Pada masa itu perayu kelihatan memasukkan satu barang (bungkusan) yang dipegangnya ke dalam baju (T-shirt) yang dipakainya. Riak wajah lelaki tersebut kelihatan curiga, takut dan nampak pucat.

(c) SP3 memperkenalkan dirinya sebagai polis kepada perayu. Mendengarkan itu, perayu cuba melarikan diri, tetapi telah terjatuh. Berlaku pergelutan selama 3 – 4 minit di mana perayu telah tercedera di dahi dan di bibirnya. Akhirnya perayu berjaya ditahan dengan bantuan SP4 Konstabel Azrol.

(d) Pemeriksaan badan dilakukan oleh SP3 ke atas perayu dan apabila ditarik keluar baju (T-shirt) yang dipakai oleh perayu maka ditemui satu bungkusan kertas suratkhabar yang dibaluti

dengan plastik lutsinar. Di dalam bungkusan tersebut ditemui ketulan mampat dedaun kering yang dibalut dengan plastik lutsinar. Setelah dianalisa oleh pegawai kimia, ketulan mampat bahan tersebut disahkan sebagai 'cannabis' seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2, Akta Dadah Berbahaya 1952. Berat bersih 'cannabis' tersebut ialah 410 gram.

[5] Pada penutup kes pendakwaan, hakim yang membicarakan telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes *prima facie* bagi pemilikan sebenar (actual possession) oleh perayu ke atas 'cannabis' berkenaan seperti dalam pertuduhan. Oleh yang demikian, hakim yang membicarakan telah memutuskan anggapan (presumption) di bawah perenggan 37(da) Akta berkenaan berbangkit. Dengan berbangkitnya anggapan tersebut, hakim yang membicarakan telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu terhadap pertuduhan berkenaan dan memanggil perayu untuk membela diri.

Kes Pembelaan Perayu

[6] Perayu memberi keterangan secara bersumpah. Perayu merupakan satu-satunya saksi bagi pihak pembelaan. Keterangan perayu seperti yang direkodkan oleh hakim yang membicarakan di dalam alasan penghakimannya adalah seperti berikut:

> 55. Dalam pemeriksaan utama, Tertuduh memberitahu Mahkamah bahawa pada masa kejadian, dia bekerja sebagai pekerja kontrak binaan. Pada hari kejadian, dia hendak pergi makan tengah hari di Batu 7, Sungai Kapar Indah. Ketika itu seorang temannya bernama Hafiz datang dengan motosikal, lalu Tertuduh meminta tumpang.
>
> 56. Setibanya di Batu 7 1/2, Tertuduh meminta diturunkan untuk makan di satu kedai. Selepas itu, katanya, Hafiz memanggilnya kembali dan meminta dia memegang satu bungkusan sekejap. Walaupun dia tidak mahu kerana lapar, namun katanya Hafiz memaksa dia memegang bungkusan itu. Hafiz menyuruh Tertuduh memberikan bungkusan itu kepada kawan Hafiz yang akan datang dengan kereta hijau.
>
> 57. Tertuduh berkata bahawa dia ada bertanya pada Hafiz apakah kandungan bungkusan itu, tetapi Hafiz berkata "tiada apa-apa. Tiada masalahlah". Hafiz tidak menerangkan apakah kandungan bungkusan itu.

58. Kemudian, dua orang dalam kereta hijau ada datang dan Tertuduh telah menyerahkan bungkusan itu kepada orang itu. Ketika itu Hafiz telah lari. Tertuduh telah ditangkap oleh orang yang datang dengan kereta hijau itu. Kata Tertuduh, dia dimasukkan ke dalam kereta hijau itu. Orang dalam kereta hijau itu telah menyuruhnya menghantar mereka ke rumah Tertuduh di Batu 6 Kapar. Katanya mereka meminta pasport Tertuduh dan Tertuduh telah menyerahkan pasportnya kepada mereka. Mereka menuduh bahawa pasport itu palsu dan membawa Tertuduh ke Balai Polis.

59. Di Balai Polis, bungkusan yang berkenaan telah ditunjukkan kepada Tertuduh dan, kata Tertuduh, selepas itulah baru dia tahu isi benda di dalamnya. Polis mengatakan barang itu ganja.

[7] Di akhir kes pembelaan, hakim yang membicarakan berpuashati bahawa pihak pembelaan telah gagal atas hubungan kebarangkalian untuk mematahkan (to rebut) anggapan di bawah perenggan 37(da) Akta berkenaan bahawa perayu mengedar dadah berbahaya 'cannbais' (yang menjadi subjek pertuduhan) pada masa dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan. Dengan itu, hakim yang membicarakan telah mendapati perayu bersalah dan mensabitkan perayu di bawah s. 39B(2) Akta yang sama. Perayu telah dikenakan hukuman mati seperti yang diperuntukkan di bawah s. 39B(2) tersebut.

Pertimbangan Mahkamah

[8] Alasan utama perayu di dalam rayuan ini ialah mengenai dakwaannya tentang kekhilafan hakim yang membicarakan dari segi fakta dan undang-undang bila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen 'pemilikan (possession)' terhadap perayu di peringkat akhir kes pendakwaan dan seterusnya membangkitkan anggapan di bawah s. 37(da) Akta berkenaan, sedangkan, mengikut perayu, pembuktian keterangan yang dikemukakan menunjukkan sebaliknya.

[9] Adalah menjadi satu prinsip undang-undang yang sahih bahawa untuk membuktikan perayu mempunyai 'milikan sebenar (actual possession)' dadah berbahaya berkenaan, pihak pendakwa perlu membuktikan perayu mempunyai 'kawalan (control) atau jagaan (custody)' ke atas dadah berkenaan dan Perayu mempunyai 'pengetahuan (knowledge)' tentang dadah tersebut. Prinsip ini telah mula bertapak sebegitu lama di dalam sistem perundangan di negara ini dan diterimapakai di dalam banyak kes di mahkamah. Di dalam

kes *Neo Koon Cheo v. Regina* [1959] 1 LNS 64, Hakim Ambrose pernah menjelaskan tentang takrif perkataan 'custody' dan 'control' seperti berikut:

> I have given the most careful consideration to the meaning of the word "custody" in section 37(d) of the Ordinance under consideration and have come to the conclusion that it means actual physical control. The word "control" in the same section must, therefore, be construed to mean any form of control other than actual physical control. Other names for "custody" are "physical possession," "*de facto* possession" and "detention." It is referred to in *25 Halsbury's Laws* (2nd edn.) 194, para 327, in these terms:
>
> > The word 'possession' may mean effective, physical or manual control, or occupation, evidenced by some outward act, sometimes called *de facto* possession or detention.
>
> I would adopt the following definitions of "custody" and "possession" given by the eminent American jurist, Roscoe Pound, in his "Introduction to American Law":
>
> Custody is a mere condition of fact, a mere physical holding of or physical control over the thing.
>
> Where custody (exercised by oneself or by another) is coupled with the mental element of holding for one's own purposes, there is possession.

[10] Di dalam kes sekarang, mahkamah ini berpuashati bahawa Hakim yang membicarakan telah dengan betul mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen 'milikan' oleh Perayu di peringkat akhir kes pendakwaan kerana keterangan jelas menunjukkan dadah berkenaan telah ditemui di dalam baju (T-shirt) yang dipakai sendiri oleh perayu, bukan ditempat lain. Terdapat juga keterangan yang jelas yang menunjukkan bahawa sebelum itu, perayu telah dilihat memegang bungkusan (yang mengandungi dadah berkenaan) ditangannya dan memasukkan bungkusan itu ke dalam bajunya bila melihat anggota polis menghampirinya.

[11] Alasan penghakiman hakim yang membicarakan, di perenggan 21-22, ms 524, rekod rayuan, jelas menyokong dapatan tersebut:

> 21. Tertuduh dalam kes ini berada berseorangan di tepi jalan, SP3 dan SP4 tidak melihat orang lain pada hari kejadian, selain Tertuduh. Barang Kes dipegang oleh Tertuduh. SP3 dan SP4 nampak Tertuduh memasukkannya ke dalam bajunya. SP3 pula mengeluarkan Barang Kes dari dalam baju yang dipakai oleh Tertuduh. Ini dilihat juga oleh SP4.

22. Fakta-fakta yang tersebut di atas jelas menunjukkan bahawa Tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan ke atas P10 dan P11, dan oleh itu ke atas dadah berbahaya yang terkandung di dalamnya.

[12] Bagi elemen 'pengetahuan (knowledge)' pula, pembuktiannya boleh dibuat secara inferens berdasarkan fakta dan keadaan sesuatu kes yang boleh berubah dari suatu kes ke suatu kes yang lain. Dalam keadaan sedemikian, adalah memadai untuk pihak pendakwaan mengemuka dan membuktikan fakta dan keterangan dari mana inferens dapat dibuat sewajarnya bahawa tertuduh (Perayu) mempunyai pengetahuan yang perlu. Prinsip ini pernah diikuti di dalam beberapa kes Mahkamah Persekutuan, antaranya: *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717; *Emmanuel Yaw Teiku v. PP* [2006] 3 CLJ 597; dan *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337.

[13] Di dalam kes *Parlan Dadeh (supra)* Augustine Paul, HMP pernah menyatakan:

> The law in clear and well settled. Proof of knowledge is very often a matter of inference. The material from which the inference of knowledge can be drawn varies from case to case. It would be sufficient for the prosecution to prove facts from which it could property be inferred that the accused had the necessary knowledge.

[14] Di dalam kes sekarang, pihak pendakwaan telah berjaya mengemuka dan membuktikan fakta-fakta berikut di mana mahkamah boleh membuat inferens bahawa perayu mempunyai pengetahuan yang perlu untuk menunjukkan milikan ke atas dadah berkenaan pada masa beliau ditangkap oleh polis. Fakta-fakta tersebut adalah seperti berikut:

(a) sewaktu dihampiri, hanya perayu seorang diri sahaja berada di tempat kejadian, tiada orang lain;

(b) sewaktu dihampiri oleh SP3, perayu dilihat telah memasukkan bungkusan dadah berkenaan (P10 dan P11) ke dalam bajunya (T-shirt);

(c) ketika itu, perayu kelihatan pucat, curiga dan takut;

(d) sebaik sahaja polis (SP3) mengenalkan dirinya, perayu cuba untuk melarikan diri, tetapi telah jatuh;

(e) berlaku pergelutan antara perayu dan anggota polis selama beberapa minit, dan akhirnya perayu berjaya ditangkap; dan

A (f) bungkusan dadah berkenaan (P10) koyak dibucunya sehingga kandungan daun-daun di dalamnya dapat dilihat serta hakikat bahawa barang kes tersebut tidak terkandung di dalamnya apa-apa beg atau bekas yang dapat melindungi isi kandungan daun-daun kering itu daripada pandangan.

B

[15] Hakim yang membicarakan, di perenggan 51 dan 52 alasan penghakimannya (ms 530 rekod rayuan) jelas menyatakan dapatannya (her findings) seperti berikut:

C 51. Apabila perbuatan Tertuduh melarikan diri sehingga berlaku pergelutan itu diteliti bersama dengan hakikat bahawa Tertuduh telah memasukkan Barang Kes ke dalam bajunya dan hakikat P10 koyak di bucunya sehingga kandungan daun-daun kering termampat di dalamnya dapat dilihat serta hakikat bahawa barang kes itu tidak terkandung dalam apa-apa beg
D atau bekas yang dapat melindungi isi kandungan daun-daun kering itu daripada pandangan, maka hanya satu kesimpulan dapat dibuat, iaitu Tertuduh memang tahu bahawa apa yang dipegang dan dimasukkan olehnya ke dalam bajunya itu mengandungi dadah cannabis.

E 52. Oleh yang demikian, pihak pendakwa telah juga dapat membuktikan secara *prima facie* bahawa Tertuduh tahu dia mempunyai kawalan atau jagaan ke atas suatu dadah berbahaya, iaitu cannabis.

F **[16]** Dapatan hakim yang membicarakan seperti di atas, adalah betul berdasarkan keterangan dan fakta yang ada dan berlandaskan perundangan yang berkaitan. Tiada sebarang kekhilafan yang dilakukan oleh beliau. Oleh itu, mahkamah ini tidak akan mengganggu dapatan tersebut.

G **[17]** Keterangan kelakuan (conduct) perayu seperti yang dinyatakan di atas adalah relevan dan boleh diterima oleh mahkamah untuk membuat inferens seperti yang telah dilakukan oleh hakim yang membicarakan. Undang-undang mengenainya adalah jelas seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Parlan*
H *Dadeh lwn. PP (supra)* seperti berikut:

If it satisfies the requirement of s. 8 it is admissible. It must be observed that the degree of proof required establishing evidence of conduct would depend on the nature of the conduct. Conduct like the flight of an accused is a more positive act and is easily
I established. On the other hand, conduct like the accused looking stunned, nervous, scared or frightened is very often a matter of

perception and more detailed evidence may be required. Once admitted the Court cannot resort to any other explanation for the conduct or draw inferences on its own accord to render it inadmissible. The onus is on the accused to explain his conduct pursuant to s 9. Such explanation must not be in their barest possible form, but with a reasonable fullness of detail and circumstance (see *R v. Stephenson* [1904] 68 JP 524). The onus may be discarged even in the course of the case for the prosecution, for example, by way of cross-examination of relevant witnesses. If not so done it can be discharged only at the defence stage.

In this case the reaction of the appellant in looking stunned or shocked upon being approached by the police is clearly admissible under s. 8 since it has a direct bearing on the fact in issue as the drugs found were tucked away in the front of the jeans worn by him. The explanation for his reaction must therefore be offered by he himself as required by s. 9. The Court cannot, on its own, offer an explanation for his reaction. However, in his defence the appellant did not offer any explanation at all for his reaction upon being approached by the police. It can therefore be validly used as evidence against him. The inference to be drawn from the evidence of conduct of the appellant against the background of the other evidence is that he knew that he was carrying (see *Deputy Public Prosecutor v. Brooks*).

[18] Di dalam kes ini, perayu telah didapati mempunyai milikan sebenar ke atas bungkusan barang kes berkenaan. Dalam keadaan fakta kes ini, perayu juga didapati mengetahui isi kandungan (dadah berkenaan) di dalam bungkusan lutsinar tersebut (yang didapati terkoyak dibucunya). Hakim yang membicarakan adalah betul apabila beliau mendapati tiada keraguan tentang perkara itu di akhir kes pendakwaan. Prinsip yang sama pernah diputuskan di dalam kes *Tan Ah Tee & Anor v. PP* [1978] 1 LNS 193 di mana Wee Chong Jin, CJ (Singapura) memutuskan:

Even if there were no statutory presumptions available to the prosecution, once the prosecution had proved the fact of physical control or possession of the plastic beg and the circumstances in which this was acquired by and remainded with the second appellant, the trial judges would be justified in finding that she had possession of the contents of the plastic bag within the meaning of the Act unless she gave an explanation of the physical fact which the trial judges accepted or which raised a doubt in the minds that she had possession of the contents within the meaning of the Act.

(Prinsip yang sama pernah diterimapakai oleh Mahkamah Persekutuan, di dalam kes *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337).

[19] Keputusan Lord Morris di dalam kes *Warner v. Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356, menguatkan lagi kedudukan prinsip di atas. Di dalam kes itu telah diputuskan:

> If, however, someone deliberately so assumes control of some of the package or container, then I would think that he is in possession of it. If he deliberately so assumes control knowing that it has contents, he would also be in possession of the contents. I cannot think that it would be rational to hold that someone who is in possession of a box which he knows to have things in it is in possession of the box but not in possession of the things in it. If he had been misinformed or misled as to the nature of the contents, or if he had made a wrong surmise as to them, it seems to me that he would nevertheless be in possession of them.

[20] Dengan terbuktinya kes *prima facie* terhadap perayu di akhir kes pendakwaan, maka adalah betul sekiranya hakim yang membicarakan memutuskan suatu anggapan di bawah s. 37(da) Akta berkenaan terpakai.

[21] Di dalam rayuannya, perayu juga mendakwa hakim yang membicarakan telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang kerana tidak mengambilkira terdapatnya kelompongan di dalam kes pendakwaan mengenai pengendalian barang kes yang mengakibatkan terdapat terputusnya rantaian keterangan (break in the chain of evidence) barang kes di dalam kes yang dibicarakan. Untuk tujuan itu, perayu mendakwa barang kes dirampas daripada perayu di tempat kejadian pada jam 2.30 petang pada hari berkenaan dan hanya diserahkan kepada pegawai penyiasat (SP5) daripada Jabatan Narkotik Klang 4 jam kemudian pada jam 6.30 petang. Persoalan yang ditimbulkan oleh perayu ialah selama 4 jam tersebut barang kes berkenaan tidak diketahui secara khusus berada di dalam kawalan siapa. Perayu juga mendakwa pada 9 Jun 2003 barang kes berkenaan telah dihantar ke Makmal Fofensik, Maktab Polis Cheras bagi tujuan pengesanan cap jari dan telah diambil balik pada 22 Julai 2003. Sekali lagi perayu mempersoalkan dengan siapakah barang kes tersebut berada selama tempoh lebih satu bulan itu.

[22] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Su Ah Ping v. Pendakwa Raya* [1979] 1 LNS 100, pernah menggariskan prinsip umum mengenai perkara ini seperti berikut:

> In our experience much judicial, time is spent unnecessarily, notably in subordinate (lower) courts, in ensuring no break in the chain of evidence. In our judgment, if the officer who picked up an object at the scene produced it and identified it as that very object, that is enough, and there is no need to call every other officer who handled it. For this reason it is desirable for a police officer who picked up an object that is easily marked such as a gun, to mark it well, in case it may be needed later on as an exhibit. There are, however, objects such as blood samples and the like that cannot be easily marked; it is only in the case of such objects that it may be necessary to call everybody who has handled it – then only if there is doubt as to identity.

[23] Autoriti yang lebih tepat yang boleh diterimapakai di dalam kes ini ialah keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Gunalan Ramachandran & Ors v. PP* [2006] 1 CLJ 857, di mana di dalam kes tersebut yang juga melibatkan kesalahan pengedaran dadah berbahaya, telah diputuskan seperti berikut:

> I am of the view that, in a drug trafficking case what is important is that it must be proved that it is the substance that was recovered that was sent to the chemist for analysis and it is that same substance that is found to be heroin or cannabis etc. and it is in respect of that substance that an accused is charged with trafficking. So, the chain of evidence is more important for the period from the time of recovery until the completion of the analysis by the chemist. Even then it does not necessarily mean that if the exhibit is passed from one person to another, every one of them must be called to give evidence of the handing over from one person to another and if there is a break, even for one day, the case falls. There should be no confusion between what has to be proved and the method of proving it. What has to be proved is that it is the substance that was recovered that was analysed by the chemist and found to be heroin, cannabis etc., and it is for the trafficking of that same substance that the accused is charged with.

[24] Fakta dan keterangan di dalam kes sekarang dapat memenuhi ujian yang dinyatakan di dalam kes *Gunalan Ramachandran* tersebut. Pegawai serbuan (SP3) telah memberi keterangan yang beliau mengenal pasti barang kes yang dirampas daripada dalam baju perayu pada hari berkenaan. SP3 mengenalpasti identiti barang kes tersebut (yang terdapat koyakan bucunya) bila ditunjukkan kepadanya di mahkamah semasa beliau memberi keterangan. Terdapat juga keterangan pegawai penyiasat (SP5) yang menyatakan barang kes yang sama telah diserahkan kepadanya di mana penandaan dibuat di hadapan pegawai yang menangkap (SP3); barang kes yang sama telah dihantar ke Makmal Forensik, Maktab

Polis Cheras bagi tujuan pengesanan cap jari pada 9 Jun 2003 dan telah diambil balik pada 22 Julai 2003. Seterusnya, ahli kimia (SP2) telah mengesahkan bahawa ketulan mampat yang ditemui di dalam P10 dan P11 ialah cannabis seberat 410 gram. (Keterangan ini tidak dicabar langsung oleh pembelaan. Malahan SP2 tidak diperiksa balas langsung).

[25] Hakim yang membicarakan telah dengan betul menilai dan menerima keterangan di atas, baik dari segi fakta mahu pun undang-undang di dalam menentukan identiti dan berat dadah yang berkenaan. Tidak ada sebarang keterangan atau apa-apa inferens yang boleh mencurigakan penentuan tersebut.

[26] Perayu juga mendakwa bahawa hakim yang membicarakan telah gagal mengambilkira percakapan beramaran yang dibuat oleh perayu (yang ditandakan sebagai D23).

[27] Mahkamah berpendapat, dakwaan ini adalah tidak berasas sama sekali. Daripada alasan penghakiman hakim yang membicarakan, jelas sekali hakim berkenaan telah mengambilkira dan turut menimbangkan isi kandungan percakapan beramaran (D23) tersebut. (Lihat ms 532-534 rekod rayuan). Malah terdapat beberapa percanggahan di dalam percakapan beramaran (D23) tersebut jika dibandingkan dengan keterangan perayu di mahkamah. Ini jelas dinyatakan oleh hakim yang membicarakan di dalam alasan penghakimannya. Perenggan 67 dan 68, alasan penghakiman tersebut jelas membuktikan yang percakapan beramaran (D23) telah diambilkira:

> 67. Di dalam D23 (yang pada awalnya dikemukakan dalam peringkat kes pendakwaan dan saya arahkan ditandai sebagai IDD23) Tertuduh membuat penyataan bahawa dijanjikan oleh Hafiz bayaran sebanyak RM50.00 sebagai upah kerana menyampaikan bungkusan yang berkenaan kepada orang dalam kereta hijau. Dalam keterangannya di mahkamah, bagaimanapun, Tertuduh menafikan dia ada menerima upah itu.
>
> 68. Setelah meneliti keterangan Tertuduh dan pernyataan D23, saya berpuas hati bahawa, berdasarkan imbangan kebarangkalian, kesediaan Tertuduh untuk:
>
> a) mengikuti Hafiz ke rumahnya
>
> b) memegang Barang Kes

c) menunggu di tengah panas di tepi jalan di tapak pembinaan sekurang-kurangnya dari jam 1.30 hingga 2.00 petang "lebih sedikit"

d) menyerahkan Barang Kes kepada orang yang tidak dikenalinya bagi pihak Hafiz sedangkan Hafiz ada berhampiran dan sepatutnya dapat menyerahkan sendiri bungkusan itu kepada orang yang dikatakan kawan Hafiz dalam kereta hijau

tidak mungkin dilakukan atas dasar hendak menolong kawan semata-mata. Kesemuanya itu lebih konsisten dengan perbuatan seorang yang tahu apa yang terkandung dalam bungkusan yang berkenaan dan mendapat ganjaran baginya. Ganjaran itu tentunya ialah wang RM50.00 yang disebut dalam D23.

[28] Akhir sekali, perayu mendakwa hakim yang membicarakan telah menolak bulat-bulat pembelaan perayu tanpa mengikut lunas-lunas perundangan. Secara umumnya, apa yang ingin disampaikan oleh perayu di dalam pembelaannya ialah beliau sebenarnya hanyalah merupakan seorang yang membawa barang kes tanpa niat salah (innocent carrier) yang hanya menolong seorang yang bernama "Hafiz" tanpa mengetahui apa sebenarnya isi kandungannya.

[29] Setelah meneliti rekod rayuan di dalam kes ini, mahkamah ini mendapati dakwaan perayu tersebut adalah juga tidak berasas sama sekali. Pembelaan perayu tidak ditolak bulat-bulat oleh hakim yang membicarakan. Sebaliknya perkara tersebut telahpun diambilkira dan dipertimbangkan oleh hakim yang membicarakan di dalam penghakimannya. Perenggan 69-73, alasan penghakiman berkenaan (ms 534-535 rekod rayuan) jelas mengesahkan perkara itu:

69. Pernyataan beramaran D23 telah dikemukakan oleh pembelaan untuk menunjukkan bahawa "Hafiz" wujud. Kewujudan Hafiz disokong, kata peguambela, oleh keterangan SP5 bahawa Hafiz dipercayai telah balik ke Indonesia.

70. Pada hemat saya, walaupun Hafiz memang benar wujud, perkara itu tidak dapat mengubah hakikat bahawa Tertuduh membawa Barang Kes pada hari kejadian untuk diserahkan kepada pihak ketiga.

71. Pembelaan cuba menerangkan bahawa Tertuduh hanya membawa bungkusan (Barang Kes) itu kerana diminta tolong untuk berbuat demikian oleh Hafiz dan bahawa Tertuduh tidak tahu kandungan bungkusan itu.

A

72. Sepertimana yang dibincangkan dalam perenggan 68 di atas, hal keadaan bagaimana Tertuduh mempunyai Barang Kes dalam milikannya menunjukkan bahawa dia bukan seorang yang membawa Barang Kes itu tanpa niat salah "innocent carrier".

B

73. Pada kesimpulannya, saya berpuas hati bahawa pihak pembelaan telah gagal atas imbangan kebarangkalian untuk mematahkan anggapan di bawah perenggan 37(d) Akta Dadah Berbahaya bahawa Tertuduh mengedar dadah berbahaya yang menjadi subjek pertuduhan, pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan.

C

[30] Hakim yang membicarakan telahpun membuat dapatan (finding) bahawa perayu bukan merupakan seorang 'innocent carrier' bagi bungkusan berkenaan, tanpa mengetahui apa sebenar isi kandungannya. Dapatan ini adalah merupakan satu inferens yang

D

betul berdasarkan fakta keterangan di dalam kes ini. Dapatan ini diperkuatkan lagi dengan keputusan Lord Morris di dalam kes *Warner v. Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356 (lihat perenggan 19, alasan penghakiman ini).

E

Kesimpulan

[31] Perayu gagal membuktikan bahawa hakim yang membicarakan telah khilaf (baik dari segi fakta mahupun dari segi undang-undang) di dalam membuat keputusannya mensabitkan perayu terhadap

F

pertuduhan yang dikenakan dan seterusnya menjatuhkan hukuman mati ke atasnya. Mahkamah berpuashati bahawa hakim yang membicarakan telah mengambilkira dan menimbangkan fakta dan keterangan yang relevan berdasarkan nas-nas perundangan yang betul. Tiada terdapat sebarang salaharah baik dari segi fakta

G

mahupun dari segi undang-undang yang membolehkan keputusan tersebut diubah oleh mahkamah ini. Oleh itu, mahkamah ini, sebulat suara menolak rayuan ini.

H

I